

Pantau pengurusan kelas tadika

Sinar 10/9/13 MS 12.

MOHD TAHA YAACOB

BESUT - Kementerian Pendidikan akan terus memantau perjalanan dan pengurusan kelas-kelas tadika di seluruh negara sebagai usaha memastikan ia memenuhi keperluan asas seperti yang digariskan kementerian.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, pengurusan dan pengurusan tadika perlu mematuhi setiap prosedur dan arahan termasuk silibus asas yang dikeluarkan kerajaan.

Menurutnya, kerajaan melalui kementerian berkenaan memang menyedari pelbagai pihak kini menguruskan tadika termasuk oleh NGO dan pertubuhan parti politik dengan syarat mereka mematuhi syarat yang telah ditetapkan.

"Kementerian buat pe-



Idris begitu asyik melihat kepetahan seorang kanak-kanak pra-sekolah bercerita menggunakan empat bahasa iaitu Melayu, Inggeris, Arab dan Cina ketika meninjau gerai pameran, semalam.

mantauan sejak awal sebelum pembukaan satu-satu tadika, yang mana jika ia mematuhi piawaian dan cara pelaksanaan seperti ditetapkan

kementerian, ia tidak akan dihalang beroperasi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa

Pendidikan Awal Kanak-Kanak 2013 (iCON 2013) anjuran Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Sultan Mizan dengan kerjasama

Kementerian Pendidikan dan kerajaan negeri Terengganu di kampus itu di sini, semalam.

Mengenai tanggapan negatif terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) oleh pelbagai pihak termasuk segelintir kalangan guru, Idris berkata, ia satu perkara biasa apabila kita memperkenalkan satu perkara baru pada mana-mana pihak.

Menurutnya, masyarakat dan juga guru sepatutnya memandang PBS sebagai satu perkara positif tanpa melupakan objektif asal ia dilaksanakan.

"Kalau dulu ramai pihak mempertikai sistem pendidikan negara yang didakwa banyak menekankan peperiksaan (*exam oriented*) dan kini PBS diwujudkan sebagai alternatif dalam menghapuskan keresahan dialami ramai ibu bapa di negara ini," katanya.

Menurutnya, ada di kalangan mereka tidak mendapat cukup arahan dan prosedur pelaksanaan, kemudian menuduh PBS kurang lengkap kerana sepatutnya mereka perlu membaca setiap arahan yang dikeluarkan kementerian mengenainya.

Sehubungan itu, Idris menyeru semua pihak termasuk segelintir guru yang masih berdolak dalih mengenai pelaksanaan PBS, supaya bersabar dan sama-sama meneruskannya agar satu kebaikan daripadanya akan dinikmati kelak.

Bagaimanapun, beliau berkata, bagi mana-mana pihak yang masih terkeliru atau kurang faham, boleh berbincang dengan pihak kementerian atau pejabat pendidikan agar isu-isu mengenai PBS dapat diselesaikan dengan baik.